

Headline	Urus pokok secara atas talian		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	26	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	142 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,673



# Urus pokok secara atas talian

**P**UTRAJAYA: Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengadakan kerjasama pintar dalam bidang pengurusan hutan bandar bagi meningkatkan kualiti landskap dan pendidikan alam sekitar di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan berkenaan.

Kerjasama itu terjalin dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara PPj dan FRIM untuk melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan pengurusan pokok bandar dan pembangunan kesedaran mengenai kepentingan

kawasan hijau di Putrajaya.

Presiden PPj, Tan Sri Samsudin Osman berkata, menerusi MoU lima tahun itu, FRIM akan berfungsi sebagai pelaksana projek perintis Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP), iaitu satu sistem yang membantu dalam pengurusan pokok dengan menyeluruh secara atas talian (online).

“Projek perintis ini dapat membantu PPj dan FRIM merealisasikan hasrat meningkatkan kualiti landskap dan pendidikan alam sekitar dalam program berasaskan alam semulajadi (nature based programme) dalam bidang pengurusan hutan bandar meliputi aspek botani-

kal, biodiversiti, pengurusan dan penyelenggaraan pokok dan pendidikan alam sekitar.

“Ia bertujuan mewujudkan kerjasama dua hala ke arah mengukuh, mempromosi dan melaksanakan projek penyelidikan, pendidikan dan latihan serta pemindahan kemahiran dan pengetahuan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Samsudin berkata, skop kerjasama termasuk menyediakan cadangan penyelidikan dan melaksanakan aktiviti penyelidikan yang difikirkan perlu bagi mempertingkatkan keberkesanan pengurusan hutan bandar dan

kawasan hijau di Putrajaya.

Selain itu, ia turut meliputi pemeriksaan status kesihatan dan tahap kesuburan pokok terutama di kawasan tumpuan awam membabitkan aspek arborikultur termasuk pemeriksaan ke atas pokok tua dan berbahaya.

Beliau berkata, kerjasama lain termasuk menjalankan program kesedaran, kursus, seminar dan persidangan mengenai hutan bandar, landskap dan rekreasi serta bekerjasama dalam bidang atau aspek lain.

“Selain itu, laporan hasil rumusan penyelidikan yang bersesuaian dan boleh digunakan pakai turut akan disediakan FRIM,” katanya.